

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SEMESTER KEDUA  
SIDANG AKADEMIK 1995/96**

**APRIL 1996**

**FFP 361 - FARMASI FORENSIK**

**MASA: 3 JAM**

---

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan dan 7 muka surat yang bertaip.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

1. a) Dengan merujuk kepada Akta Jualan Dadah 1952, apakah arahan-arahan dan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, ke atas seorang pengilang ubat yang didapati bersalah oleh Mahkamah kerana memberikan maklumat palsu pada keluarannya.

**(4 markah)**

- b) Terangkan bagaimana Pegawai, Inspektor dan Penganalisa dilantik. Bincangkan skop bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

**(6 markah)**

- c) Dengan merujuk kepada perundangan di atas, terangkan yang berikut:-

- i) Jualan Dadah

**(2 markah)**

- ii) Keluaran Berdaftar

**(2 markah)**

- iii) Kawalan logam berat dalam kosmetik

**(2 markah)**

- iv) Pengimport Berlesen

**(2 markah)**

2. a) Sebagai seorang Ahli Farmasi bertugas di Hospital Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan Malaysia, apakah peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa yang perlu dipatuhi sebelum melakukan perkara-perkara berikut:

i) Mendispen 20 kapsul Asid Mefenamic kepada seorang pesakit luar.

**(4 markah)**

ii) Membekal 500 ml Linktus Kodein ke Wad Psikiatrik di hospital yang sama.

**(4 markah)**

b) Terangkan bagaimana penjualan yang berikut boleh dilakukan.

i) Menjual 25 kg Serbuk Ampisilin kepada seorang pemilik ladang ternakan untuk dicampurkan dengan makanan haiwan.


**(4 markah)**

ii) Menjual 0.1% Larutan Metil Bromida kepada seorang pelanggan untuk digunakan bagi merawat tanah di belakang rumahnya.

**(4 markah)**

3. a) Seorang Penjaja Ubat mempromosikan ubat tradisionalnya kepada sekumpulan orang ramai di tepi jalan. Ubatnya di dalam bentuk kapsul dan dipek di dalam satu botol plastik lut sinar ( seperti digambarkan). Tuntutan-tuntutan berikut dibuat oleh beliau:

- Ubat ini ialah satu formulasi baru yang diperolehi dari rumpai laut. Ia sangat berkesan untuk menyembuhkan semua jenis penyakit yang ada pada lelaki dan perempuan.
- Satu dos 2 kapsul dimakan tiga kali sehari selama 40 hari boleh menyembuhkan penyakit darah tinggi, kencing manis dan penyakit jantung.
- Untuk lelaki tua, jika dua kapsul ubat ini dimakan setiap hari, ia boleh memperbaiki fungsi ginjal dan seks.
- Satu kapsul jika dimakan setiap pagi boleh menyembuhkan sakit belakang dan sakit otot.



Dengan merujuk kepada perundangan yang berkuatkuasa, apakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan dari tuntutan-tuntutannya dan nyatakan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan.

(10 markah)

- b. Bersempena dengan pembukaan rasmi "Harmoni Specialist Medical Centre" satu sepanduk yang dipamirkan mengandungi perkataan-perkataan berikut:-

<b>Harmoni Specialist Medical Centre 11 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.</b>	
High technology equipment available to detect : Breast Cancer Cervix Cancer Cardiac Diseases	The most uptodate Specialist treatment available to treat: - Cardiac problems - Cancer - O & G complication - Eye diseases
<b>Will be officiated by the Minister of Health On 10th January 1996 (Special discount will be given on the first day)</b>	

Berikan komen anda dengan merujuk kepada Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1952).

(6 markah)

4. Apakah dadah-dadah berbahaya yang ditakrif di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dengan merujuk kepada Akta di atas, terangkan bagaimana anda boleh mengimport 10 kg kodein fosfat daripada Negara Jerman untuk mengilang Linktus Kodein B.P. 3 mg/ml (satu keluaran berdaftar) dan bagaimana anda boleh menjual Linktus Kodein tersebut selepas dikilangkan.

**(16 markah)**

5. a) Terangkan bagaimana pendaftaran seorang Ahli Farmasi Berdaftar boleh dibatalkan dari daftar.

**( 6 markah)**

- b) Bincangkan prosedur-prosedur yang terlibat dalam mendaftar semula seorang Ahli Farmasi yang telah dibatalkan pendaftarannya.

**(6 markah)**

- c) Apakah yang anda faham mengenai perkara-perkara berikut:-

i) Sijil Pendaftaran

**(2 markah)**

ii) Sijil Tahunan

**(2 markah)**

iii) Daftar-daftar di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

**(2 markah)**

6. a) Apakah keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada Ahli Farmasi yang memiliki Lesen Racun Jenis A (Runcit) di bawah Peraturan Dadah Berbahaya 1952.

**(8 markah)**

b) Anggaplah anda seorang Ahli Farmasi Berdaftar dan juga penguasa di sebuah farmasi. Terangkan bagaimana anda melakukan tugas-tugas berikut dan nyatakan apakah nasihat-nasihat profesional yang sepatutnya diberikan:

i) Sebuah hospital swasta menelefon dan memesan untuk bekalan 10 ampul Morfin Hydrochlorida 20 mg.

**(4 markah)**

ii) Seorang pelanggan penting anda yang merupakan seorang pengeluar sabun telah meminta nasihat bagaimana beliau boleh mengimport 5 tan Natrium Hidroksida dari Negara Jepun.

**(4 markah)**

--oOo--